

# Mahathir Hentikan sikap pecah belah sebelum terlambat

KULIM, Isnin.

DR. Mahathir Mohamad berkata hari ini, UMNO tidak akan menerima sebarang sumbangan kewangan, kalau motif pihak penderma itu ialah supaya ia boleh mengongkang parti itu.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, UMNO lebih mengutamakan sumbangan dan derma dari kalangan ahlinya sendiri.

Dr. Mahathir berkata, kekuatan UMNO sekarang adalah bergantung kepada perpaduan ahli-ahlinya, serta kedudukan kewangan yang kukuh.

Beliau berkata, demikian ketika merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Padang Serai di Padang Sekolah Menengah Badli Shah di sini pagi tadi.

Dr. Mahathir, juga Naib Presiden UMNO, selanjutnya memberitahu, Ibupejabat UMNO sekarang ini hanya dapat mengumpulkan kira-kira \$100,000 setahun iaitu sumbangan yuran 400,000 ahlinya.

"Tetapi perbelanjaan di Ibupejabat termasuk pentadbiran, gaji dan claun pegawai dan kakitangannya saja kira-kira \$1 juta setahun," jelas beliau.

## MASALAH

Dr. Mahathir menambah, dalam mengatasi masalah ini UMNO terpaksa mendapatkan sumbangan kewangan dan derma bagi menampung perbelanjaan tersebut.

Katanya lagi, pada masa ini ahli-ahli UMNO hanya membayar yuran \$1 setahun dan dari jumlah itu dibahagikan 50 sen kepada cawangan dan 25 sen masing-masing kepada Bahagian dan Ibupejabat.

"Tetapi jika tiap-tiap seorang ahli memberi sumbangan \$1 sebulan, UMNO akan dapat mengumpul sejumlah \$400,000 sebulan," jelas beliau.

## BERUSAHA

Dr. Mahathir berkata, paling kurang 300,000 orang ahli sahaja memberikan sumbangan seperti itu, UMNO mampu mengumpulkan \$3.6 juta setahun dan \$18 juta dalam masa lima tahun.

Beliau menambah kata, dengan terkumpul sejumlah itu, UMNO bukan sahaja akan stabil disegi kewangan tetapi juga dapat menjalankan pentadbiran dan kempen pilihanraya dengan lebih licin lagi di samping dapat pula melaburkan wang yang berlebihan itu.

Menyentuh tentang perpaduan dalam UMNO Dr. Mahathir berkata, setiap ahli hendaklah berusaha mengeratkan lagi persahabatan dan perpaduan dalam parti untuk kekuatan UMNO.

Ini adalah perlu kerana kekuatan kerajaan adalah bergantung kepada kekuatan UMNO dan sebaliknya.

Bagaimanapun, katanya, ada juga setengah ahli UMNO yang banyak mirip kepada perpaduan perpecahan dari perpaduan.

Beliau mengingatkan, sikap pecah belah itu mestilah dilenyapkan dari sekarang sebelum terlambat.